

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2015 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah hotel bertaraf empat dan lima bintang di negara ini yang telah memperoleh pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi dapur utama dan restoran.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan orang ramai untuk mendapatkan makanan dan minuman halal terutamanya di hotel-hotel seluruh negara. Pada masa ini sebanyak 448 buah dapur/restoran di hotel yang telah mendapat sijil pengesahan halal Malaysia yang masih sah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 119 adalah hotel bertaraf 4 dan 5 bintang yang telah mendapat sijil

pengesahan halal yang merupakan 49% dari jumlah sebanyak 242 buah hotel bertaraf 4 dan 5 bintang yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia (Data dari portal Kementerian Pelancongan Malaysia sehingga 19 Okt 2015). Senarai hotel yang telah mendapat sijil pengesahan halal boleh disemak melalui portal halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di www.halal.gov.my

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang, permohonan sijil pengesahan halal bagi dapur/restoran di hotel adalah bersifat sukarela. Namun begitu, Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk menggalakkan permohonan sijil pengesahan halal dan meningkatkan kesedaran pengusaha hotel mengenai pensijilan halal Malaysia.

Kerajaan melalui JAKIM sentiasa bertindak aktif menggalakkan pengusaha hotel untuk memohon sijil pengesahan halal. JAKIM dengan kerjasama Persatuan Hotel Malaysia (MAH) dan Persatuan Pemilik-Pemilik Hotel Malaysia (MAHO) telah mengambil beberapa pendekatan yang dapat melancarkan permohonan sijil pengesahan halal mereka. Antaranya adalah dengan mengadakan taklimat dan bengkel mengenai prosedur pensijilan halal dan kepentingan pensijilan halal. Di samping itu, pihak pengurusan hotel juga diberikan kesedaran supaya melantik eksekutif halal dan mewujudkan Jawatankuasa Halal Dalaman bagi memastikan sistem operasi halal dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.